



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN




# LAPORANTAHUNAN

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN  
[www.umk.edu.my](http://www.umk.edu.my)

# 2019

*"Kewsahawanan Teras Kami"*





# LAPORANTAHUNAN

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN** 20 19

---

Seksyen Penerbitan Korporat  
Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu  
Universiti Malaysia Kelantan  
Bachok, Kelantan Darul Naim  
Tel : 09-7797504 / 10927



Universiti Malaysia Kelantan

Hakcipta terpelihara PENERBIT UMK, 2020

Hakcipta adalah terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.

Perpustakaan Negara Malaysia

Tajuk Buku : Laporan Tahunan Universiti Malaysia Kelantan Tahun 2019  
No. ISBN : 978-967-2229-18-6

Disediakan oleh:

Seksyen Penerbitan Korporat  
Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu  
Universiti Malaysia Kelantan

Diterbitkan oleh:

Penerbit UMK  
Universiti Malaysia Kelantan  
Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu,  
Karung berkunci 36, Pengkalan Chepa  
16100 Kota Bharu, Kelantan  
(Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)  
(Ahli Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) No. Keahlian: 201903)



# KANDUNGAN LAPORAN TAHUNAN UMK 2019



# PENGENALAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN 01

## MAKLUMAT KORPORAT UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN 03

- Latar belakang universiti
- Visi & Misi
- Slogan
- Objektif
- Logo & Falsafah
- Teras Strategi Pembangunan UMK
- Tuanku Canselor
- Tengku Pro-Canselor
- LPU 2019
- JPU 2019
- Senat UMK 2019

# 21 BAB 1 : RINGKASAN EKSEKUTIF NAIB CANSELOR

# 25 BAB 2 : VARIASI GEMILANG UMK





BAB 3 :  
PETUNJUK & PRESTASI  
UTAMA PENCAPAIAN  
UMK 43

BAB 4:  
ANALISIS PRESTASI  
KEWANGAN UMK 45

BAB 5:  
PENGURUSAN &  
PEMBANGUNAN UMK 115



176 187

PROJEK KOMUNITI  
BERIMPAK

PENGHARGAAN

## ALU-ALUAN PENGERUSI LPU

Bismillahirrahmanirrahim Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu ingin saya mengucapkan setinggi-tinggi rasa syukur ke hadrat Allah SWT atas limpah dan kurniaNya yang tidak terhingga dan syabas kepada seluruh warga Universiti Malaysia Kelantan (UMK) atas komitmen dan iltizam dalam menjayakan agenda UMK tahun 2019 dengan penuh gemilang. Sesungguhnya kejayaan ini adalah hasil usaha secara kolektif seluruh warga UMK.

Pencapaian yang dilakar sepanjang tahun 2019 turut menempatkan UMK setanding dengan universiti lain terutamanya dalam peningkatan mata peratus Kebolehpasaran Graduan atau *Graduate Employability* (GE) yang sangat cemerlang pada tahun 2019 iaitu 91.9% berbanding tahun 2018 iaitu 70%. Pelbagai Inisiatif yang telah dilaksanakan juga turut melonjakkan aktiviti keusahawanan dalam kalangan mahasiswa.




UMK sentiasa mendukung aspirasi Kementerian Pendidikan Malaysia yang dizahirkan menerusi pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) untuk mewujudkan sistem pendidikan tinggi yang berfokus kepada keusahawanan bagi membolehkan Malaysia mampu bersaing dalam ekonomi dunia.

Justeru itu, bagi memperkukuhkan agenda keusahawanan pada tahun 2019, UMK telah melancarkan program 'Battle Cry Keusahawanan UMK' untuk menjadi universiti keusahawanan no. 1 di Malaysia 2023, di ASEAN 2026 dan di ASIA 2030.

Buktinya, bilangan graduan bergelar usahawan berdasarkan hasil dapatan Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) ialah 12.97% yang merupakan nilai tertinggi dalam kalangan Universiti Awam (UA) pada tahun 2019.

UMK selaku sebuah UA yang menggalakkan aktiviti keusahawanan, inovasi dan kreativiti melalui penjana idea-idea baharu dan penyelidikan berimpak tinggi telah mengecapi pelbagai kejayaan dalam dan luar negara. Antara kejayaan yang sangat membanggakan adalah UMK berjaya mendapatkan geran penyelidikan berjumlah RM 7.4 juta bagi tahun 2019 dengan sasaran awal adalah RM5juta.

“UMK selaku sebuah UA yang menggalakkan aktiviti keusahawanan, inovasi dan kreativiti melalui penjanaan idea-idea baharu dan penyelidikan berimpak tinggi telah mengecapi pelbagai kejayaan dalam dan luar negara. Antara kejayaan yang sangat membanggakan adalah UMK berjaya mendapatkan geran penyelidikan berjumlah RM7.4juta bagi tahun 2019 dengan sasaran awal ialah RM5juta”.





# UMK

Sepanjang tahun 2019 juga, UMK turut melebarkan agenda pendidikan keusahawanan kepada penduduk setempat terutamanya masyarakat di negeri Kelantan bagi mempertingkatkan taraf ekonomi mereka. Antara aktivitiya ialah penganjuran 'Seminar Pemerkasaan Ekonomi Wanita' dengan kerjasama pihak kerajaan negeri Kelantan bersama UMK. Selain itu, UMK juga turut berjaya menganjurkan tujuh (7) siri program *Ministerial Talk* yang bertujuan berkongsi polisi dan dasar kerajaan dengan penglibatan daripada lima (5) menteri dan dua (2) timbalan menteri Malaysia.

Oleh itu, sebelum melabuhkan tirai tahun 2019, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah UMK, saya mewakili semua Ahli Lembaga Pengarah mengambil kesempatan ini untuk menjunjung setinggi-tinggi kasih dan penghargaan kepada Tuanku Canselor, Yang Teramat Mulia Dr. Tengku Muhammad Fa-iz Petra ibni Almarhum Sultan Ismail Petra Tengku Mahkota Kelantan yang telah memainkan peranan besar dalam menyemarakkan lagi budaya ilmu dan aktiviti keusahawanan di UMK. Peranan dan dorongan yang diberikan oleh baginda Tuanku amat bermakna buat seluruh warga Universiti.

Ucapan ribuan terima kasih juga diberikan kepada Yang Berhormat Mulia Tengku Pro-Canselor, YB Menteri Pendidikan, Naib Canselor, ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti, Jawatankuasa Pengurusan Universiti, ahli-ahli Senat Universiti, pegawai-pegawai kanan, staf

akademik, staf pengurusan profesional dan pelaksana serta mahasiswa yang telah bersama-sama menyumbang idea, tenaga dan masa bagi memastikan UMK sentiasa terbilang di peringkat nasional dan global.

Usaha kalian yang tidak pernah mengenal erti penat dan lelah sudah pastinya dapat menjulang harapan UMK bagi mencapai sasaran sebagai Universiti Keusahawanan No. 1 di Malaysia, ASEAN dan ASIA menjelang tahun 2030.

Akhir kata, besar harapan saya supaya UMK akan terus maju. Slogan "Keusahawanan Adalah Teras Kami" perlu terus dipegang erat dan disemat kukuh di sanubari oleh semuaarganya.

Sekian, terima kasih.

**Dato' Hussamuddin bin Haji Yaacob**

Pengerusi Lembaga Pengarah  
Universiti Malaysia Kelantan



# PENGENALAN

UNIVERSITI MALAYSIA  
KELANTAN

## PENGENALAN



Pekeliling Perbendaharaan PA 3.1 Tahun 2013 telah menetapkan supaya Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Badan-Badan Berkanun Persekutuan yang telah diaudit dibentangkan di Parlimen dalam tempoh 1 tahun selepas berakhirnya tahun kewangan. Perkara ini adalah bagi membolehkan Jemaah Menteri mengetahui secara umum kedudukan kewangan dan prestasi sesuatu badan berkanun itu dengan lebih awal.

Badan-badan Berkanun Persekutuan (BBP) hendaklah mengemukakan maklumat-maklumat mengenai pencapaian sebenar dari segi objektif agensi yang ditetapkan.

Maklumat ini adalah untuk membolehkan Jemaah Menteri menilai prestasi agensi dari aspek - aspek kecekapan dan keberkesanan dalam penghasilan output utamanya. Laporan ini hendaklah disediakan dalam bentuk yang ringkas dan padat yang dapat memberi gambaran tentang prestasi keseluruhan agensi dari segi pengurusan kewangan, kecekapan dan keberkesanan operasi-operasi serta kualiti output.

Laporan Tahunan yang disediakan oleh setiap BBP seharusnya memenuhi objektif-objektif berikut:


- Membantu pemahaman mengenai sesebuah BBP, objektif, fungsi dan operasinya termasuk program, aktiviti dan projek yang dijalankan sepanjang tahun;
- Memberi maklumat mengenai matlamat dan faedah program, aktiviti dan projek serta sejauh mana ianya tercapai;
- Memberi maklumat mengenai tahap sumbangan dan bantuan Kerajaan;
- Memberi gambaran mengenai kedudukan kewangan secara keseluruhan; dan
- Memberi maklumat mengenai kejayaan yang diperoleh dalam meningkatkan taraf hidup golongan sasaran khususnya dari aspek sosioekonomi



MAKLUMAT  
**KORPORAT**  
UNIVERSITI MALAYSIA  
KELANTAN

PARLIMEN  
MALAYSIA






## LATAR BELAKANG PENUBUHAN

Universiti Malaysia Kelantan atau ringkasnya UMK merupakan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang ke-19 dan telah diumumkan penubuhannya semasa pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) pada 31 Mac 2006 oleh Perdana Menteri pada ketika itu, YAB. Dato' Seri Abdullah bin Ahmad Badawi.

“ Entrepreneurship  
is Our Thrust ”



Universiti Malaysia Kelantan atau ringkasnya UMK merupakan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang ke-19 dan telah diumumkan penubuhannya semasa pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) pada 31 Mac 2006 oleh Perdana Menteri pada ketika itu, YAB. Dato' Seri Abdullah bin Ahmad Badawi. Ia kemudiannya diluluskan penubuhan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 Jun 2006 dan diperbadankan pada 1 September 2006. UMK merupakan satu-satunya universiti penuh yang ditempatkan di negeri Kelantan Darul Naim. Falsafah kurikulum pengajian di UMK adalah berteraskan kepada pendidikan keusahawanan (entrepreneurship education). Oleh itu, frasa rangsangan “Entrepreneurship is Our Thrust” digunakan dengan meluas.

Bagi jangka masa pendek dan sederhana, empat (4) kelompok bidang teras diberi penekanan iaitu keusahawanan dan perniagaan, agro Industri dan sumber asli, teknologi kreatif dan warisan, dan perubatan veterinar. Pada masa yang sama, penekanan juga diberi kepada kemahiran bahasa dan pembangunan insaniah. Program-program ini diwujudkan bagi melahirkan insan yang berkualiti tinggi dan bermanfaat untuk kesejahteraan global. Perhatian diberi kepada peningkatan keupayaan dan kemampuan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) (Capability and capacity Building of SMEs) dengan teknologi sebagai pengupaya dalam menggerakkan kejayaan.



## VISI

- Menjadi peneraju pembangunan insan seimbang dan holistik bercirikan keusahawanan bagi kesejahteraan global.

## MISI

- Kami menyediakan program akademik dan latihan berkualiti dan relevan, penyelidikan dan inovasi dengan nilai komersial tinggi, perkhidmatan yang efektif dan efisien dan mengutamakan persekitaran kondusif serta memenuhi tanggungjawab sosial.

## SLOGAN

- Keusahawanan Teras Kami
- Transformative \*  
Entrepreneurial \*  
Excellent




# OBJEKTIF

---

- Sumber Manusia; Menyediakan sumber manusia yang berpengetahuan, kompeten, berintegriti, berkualiti dan profesional.
- Kewangan; Menjana pendapatan dan mengoptimumkan perbelanjaan yang dapat menyokong kelestarian universiti
- Akademik dan Antarabangsa; Membangun program pengajian serta aktiviti akademik universiti yang lebih dinamik dan berdaya saing di peringkat global.
- Penjenamaan; Mencipta imej dan identiti tersendiri yang menggambarkan reputasi sesebuah organisasi melalui petunjuk yang ketara.
- Penyelidikan dan Inovasi; Menghasilkan penyelidikan dan inovasi yang mampu memberi impak kepada masyarakat melalui libatsama universiti, kerajaan, industri dan komuniti.
- Keusahawanan dan Sosioekonomi; Menerapkan budaya keusahawanan yang mampu menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat, persekitaran dan industri.
- Tadbir Urus dan Transformasi Penyampaian; Memperteguh tadbir urus yang efisien dan sistematik serta membangun infostruktur bagi menyokong persekitaran kodusif.



## LOGO & FALSAFAH



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

- Logo Universiti Malaysia Kelantan (UMK) simbolik kepada penekanan kepada huruf "U", "M" dan "K". Reka bentuknya melambangkan unsur dan sifat universiti yang terbuka dan merentasi zaman. Manakala bentuk hour glass pula menggambarkan tiada had untuk tempoh masa dalam proses pembelajaran iaitu pengalakan Pembelajaran Sepanjang Hayat. Ia juga melambangkan unsur kromosom yang aktif dan dinamik serta kejadian alam (a part of nature)
- Proses ini disokong dengan lambang dua tangan yang memohon restu dan keredhaan serta sentiasa bersyukur. Gambaran imej kromosom melambangkan sifat aktif dan dinamik semasa berinteraksi dengan persekitaran universiti. Pemilihan warna "biru" adalah untuk Malaysia, "merah" untuk Kelantan dan "jingga" warna semula jadi buah pinang masak yang merujuk kepada warisan.

Logo ini didokong oleh Falsafah UMK yang memberi penekanan kepada enam (6) aspek utama iaitu :-

- Pendidikan keusahawanan;
- Bahasa ketiga ICT sebagai pengupaya;
- Pembelajaran sepanjang hayat;
- Modal insan yang berkualiti; dan
- Keunikan dan relevan.



## TERAS STRATEGI PEMBANGUNAN UMK

---

- Membangunkan dan mengantarabangsakan program pengajian serta akademik Universiti;
- Membudayakan penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan;
- Menyediakan sumber manusia yang berpengetahuan, kompeten dan berintegriti serta mengamalkan sistem pengurusan dan tadbir urus yang mantap;
- Membangun infrastruktur yang menyokong falsafah pembangunan universiti keusahawanan;
- Menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan industri

## NILAI TERAS ORGANISASI

---

Setiap warga UMK yang terdiri daripada pelajar dan staf mendokong teras nilai yang sama bagi membentuk satu identiti Universiti. Tiga (3) nilai teras UMK adalah seperti berikut :

- Kreatif dan inovatif;
- Kesianaan untuk membuat dan menerima perubahan; serta
- Bersikap profesional dalam segala tindakan.

## KREATIF DAN INOVATIF



- Warga UMK harus sentiasa mempertingkatkan kualiti kerja dengan menambah baik prosedur kerja dan memberi perhatian kepada amalan terbaik supaya penyampaian lebih efektif, lebih pantas (efisien) dan menambah kepuasan kepada pengguna. Seterusnya, warga UMK juga perlu memperkenalkan produk, kaedah atau pendekatan baharu dalam penawaran perkhidmatan pendidikan keusahawanan dengan mengambil kira penyesuaian kepada perubahan persekitaran.
- Kreativiti harus digunakan dalam penyelesaian masalah yang rumit walaupun dengan sumber terhad tetapi kehendak pengguna dapat dipenuhi seperti yang diharapkan. Di samping itu, warga UMK wajar bersedia meneroka kepelbagaian kemungkinan dengan memperkenalkan idea baharu dan unik bagi mencipta peluang-peluang baharu.



## KESEDIAAN UNTUK MEMBUAT DAN MENERIMA PERUBAHAN


---

- Warga UMK perlu bersedia untuk mempelajari dan meneroka ilmu baharu untuk meningkatkan keupayaan diri semasa melaksanakan tanggungjawab. Mereka juga harus mengambil sikap positif kepada teguran yang membina sebagai proses pemantapan hasil kerja. Sikap keterbukaan ini membentuk individu yang fleksibel, serba boleh, berdaya saing dan mempunyai ketahanan diri yang tinggi. Seterusnya, warga UMK wajar bersedia menyesuaikan diri mengikut perubahan persekitaran kerja dan tanggungjawab.

## PROFESIONAL

---

- Warga UMK harus berpengetahuan luas, berkemahiran dan kompeten dalam bidang kepakaran atau tanggungjawab. Mereka perlu mengutamakan pelaksanaan tanggungjawab dengan memainkan peranan secara efisien dan efektif mengikut disiplin tugas dan etika bidang kepakaran. Warga universiti sentiasa memberi penekanan kepada pencapaian Visi UMK dengan mengamalkan sikap mesra dan endah, berintegriti, partisipatif, jujur dan amanah, bertanggungjawab dan komited serta bersyukur dan redha. Akhirnya, warga universiti wajar bersedia untuk memimpin dan memberikan kerjasama serta sokongan apabila dipimpin semasa melaksanakan tugas.







---

# TUANKU CANSELOR

---

YANG TERAMAT MULIA  
DR. TENGKU MUHAMMAD FA-IZ  
PETRA  
IBNI ALMARHUM SULTAN ISMAIL  
PETRA

D.K., S.P.M.K., D.M.K (KEDAH), Ph.D. (UCL)  
TENGKU MAHKOTA KELANTAN





---

TENGGU  
PRO-CANSELOR

---

YANG BERHORMAT MULIA  
TENGGU TAN SRI DATO' HAJI  
MOHAMAD RIZAM  
BIN TENGGU ABDUL AZIZ

D.K. (KELANTAN), P.S.M., S.P.M.K., S.J.M.K., P.A.T.  
TENGGU TEMENGGONG KELANTAN

## LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI 2019

Pelantikan ahli Lembaga Pengarah Universiti adalah berlandaskan Seksyen 17 Perlembagaan Universiti Malaysia Kelantan [P.U.(A) 462/2010]. Komposisi ahli Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Kelantan pada tahun 2019 adalah sebagaimana berikut:

### Pengerusi

YBhg. Dato' (Dr.) Hussamuddin bin Haji Yaacub  
[Pengerusi / Pengarah Urusan Kumpulan / Penerbit Kumpulan Media Karangkrak Sdn. Bhd.](#)



## Ahli



YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Noor Azizi bin Ismail  
Naib Canselor  
Universiti Malaysia  
Kelantan



YBhg. Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan  
Malaysia (Wakil  
Perkhidmatan Awam  
Kementerian Pendidikan  
Malaysia)



YBrs. Dr. Wan Farisan  
bin Wan Sulaiman  
Ketua Seksyen, Bahagian  
Fiskal dan Ekonomi,  
Kementerian Kewangan  
Malaysia (Wakil  
Kementerian Kewangan  
Malaysia)



YBhg. Dato' Sazmi Miah  
Ahli Perniagaan  
(Wakil Masyarakat)



YBhg. Datin Paduka  
Kartini binti Haji Abdul  
Manaf  
Timbalan Presiden,  
Pelaburan Strategik  
Permodalan Nasional  
Berhad (Wakil Swasta)



YBhg. Datuk Prof. Dr.  
Che Muhaya binti Haji  
Mohamad  
Pengaruh dan Pakar Mata  
Prof. Muhaya Eye & Lasik  
Centre (Wakil Swasta)



YBrs. Encik Mohd Nazri  
bin Mat Noor  
Juru Ukur Bertauliah dan  
Perundingan Profesional  
(Wakil Swasta)



YB. Dato' Haji Nazran  
bin Muhammad  
Dato' Kaya Setia  
Setiausaha Kerajaan  
Negeri Kelantan (Wakil  
Berpengalaman &  
Berpengalaman)

## Ahli Silih Ganti



YBrs. Puan Hasifah binti  
Mohd Murtadza  
Ketua Penolong  
Setiausaha Kanan, Unit  
Bajet, Bahagian Dasar  
Saraan dan Pengurusan,  
Kementerian Kewangan  
Malaysia



YBrs. Puan Normalia  
Binti Ibrahim  
Timbalan Setiausaha  
Bahagian, Bahagian  
Perancangan dan  
Penyelarasan Dasar,  
Kementerian Pendidikan  
Malaysia-Pendidikan Tinggi



## JAWATANKUASA PENGURUSAN UNIVERSITI 2019



Prof. Dato' Ts. Dr. Noor  
Azizi bin Ismail  
Naib Canselor



Prof. Dr. Mohd. Rafi bin  
Yaacob  
Timbalan Naib  
Canselor (Akademik &  
Antarabangsa)



Prof. Ts. Dr. Zaliman bin  
Sauli  
Timbalan Naib Canselor  
(Hal Ehwal Pelajar &  
Alumni)



Prof. Ts. Dr. Arham bin  
Abdullah  
Timbalan Naib Canselor  
(Penyelidikan & Inovasi)



Mazula binti Sabudin  
Pendaftar



Junaidah binti Badar  
Bendahari



Azman bin Hashim  
Ketua Pustakawan



Nurhayati binti Ismail  
Penasihat Undang-Undang

# AHLI SENAT UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN 2019

## PENGERUSI (NAIB CANSOLOR)

Seksyen 22(1)(a) Perlembagaan Universiti Malaysia Kelantan [P.U.(A) 462/2010]

Prof. Dato' Ts. Dr. Noor Azizi bin Ismail  
Naib Canselor

## TIMBALAN NAIB CANSOLOR

Seksyen 22(1)(b) Perlembagaan Universiti Malaysia Kelantan [P.U.(A) 462/2010]

Prof. Dr. Mohd. Rafi bin Yaacob  
Timbalan Naib Canselor  
(Akademik & Antarabangsa)

Prof. Ts. Dr. Zaliman bin Sauli  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal  
Pelajar & Alumni)

Prof. Ts. Dr. Arham bin  
Abdullah  
Timbalan Naib Canselor  
(Penyelidikan & Inovasi)

## DEKAN FAKULTI DAN SEMUA KETUA KAMPUS CAWANGAN, SEKOLAH, PUSAT, AKADEMI, INSTITUT, UNIVERSITI,

Seksyen 22(1)(c) Perlembagaan Universiti Malaysia Kelantan [P.U.(A) 462/2010]

Prof. Dr. Razli bin Che Razak  
Dekan Pusat Pengajian Siswazah

Prof. Madya Dr. Aweng a/l Eh  
Rak  
Dekan Fakulti Sains Bumi

Dr. Burhan bin Che Daud  
Pengarah Pusat Pengajian Bahasa  
dan Pembangunan Insaniah

Prof. Madya Ts. Dr. Zailani bin  
Abdullah  
Dekan Fakulti Keusahawanan Dan  
Perniagaan

Sr. Dr. Shardy bin Abdullah  
Dekan Fakulti Seni Bina dan Ekistik

Prof. Madya Ts. Dr. Zuraimi bin  
Abdul Aziz  
Pengarah Pusat Pendidikan Luar  
UMK (UMKCEE)

Prof. Madya Ahamad Tarmizi  
bin Azizan  
Dekan Fakulti Teknologi Kreatif Dan  
Warisan

Prof. Dato' Ir. Dr.  
Badhrulhisham bin Abdul Aziz  
Dekan Fakulti Biokejuruteraan Dan  
Teknologi

Dr. Mohd Nazri bin Muhayiddin  
Pengarah Pusat Ko-Kurikulum

Prof. Dr. Mohd Azam Khan bin  
Goriman Khan  
Dekan Fakulti Perubatan Veterinar

Prof. Madya Dr. Ghazali bin  
Ahmad  
Dekan Fakulti Hospitaliti,  
Pelancongan Dan Kesejahteraan

Prof. Dr. Nik Maheran binti Nik  
Muhammad  
Pengarah Kanan Institut  
Keusahawanan UMK

Prof. Madya Dr. Seri Intan binti  
Mokhtar  
Dekan Fakulti Industri Asas Tani

Prof. Madya Dr. Noor Azlina  
binti Ibrahim  
Dekan Fakulti Biokejuruteraan dan  
Teknologi

Prof. Madya Dr. Suria binti  
Baba  
Pengarah Pusat Kecemerlangan  
dan Pembangunan Akademik



## PROFESOR

Seksyen 22(1)(d) Perlembagaan Universiti Malaysia Kelantan [P.U.(A) 462/2010]

Prof. Dr. Mohd Rosli bin Mohamad  
Profesor Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan

Prof. Dr. Roselina binti Ahmad Saufi  
Profesor Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan

Prof. Dr. Nik Marzuki bin Sidik  
Profesor Fakulti Industri Asas Tani

Prof. Dr. Mohd Saberi bin Tan Ah Chik@Mohamad  
Profesor Fakulti Biokejuruteraan dan Teknologi

Prof. Dr. Khairil Wahidin bin Awang  
Profesor Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan

Prof. Ir. Ts. Dr. Ahmad Ziad bin Sulaiman  
Profesor Fakulti Biokejuruteraan dan Teknologi

## AHLI YANG DIKO-OPT OLEH NAIB CANSOLOR

Seksyen 22(1)(e) Perlembagaan Universiti Malaysia Kelantan [P.U.(A) 462/2010]

Prof. Ir. Dr. Shah Nor bin Basri  
Profesor Fakulti Biokejuruteraan dan Teknologi

Prof. Madya Dr. Noor Hasmini binti Hj. Abd Ghani  
Pengarah Pusat Pengurusan Kualiti Universiti

Prof. Madya Dr. Mohd Zain bin Mubarak  
Profesor Madya Pusat Pengajian Bahasa Dan Pembangunan Insaniah

## EX-OFFICIO

Seksyen 22(4) Perlembagaan Universiti Malaysia Kelantan [P.U.(A) 462/2010]

Mazula binti Sabudin  
Pendaftar

Junaidah binti Badar  
Bendahari

Azman bin Hashim  
Ketua Pustakawan

Nurhayati binti Ismail  
Penasihat Undang-Undang

## AHLI TURUT HADIR

Seksyen 22 (2) Perlembagaan Universiti Malaysia Kelantan [P.U.(A) 462/2010]

Muhammad Ikhrum bin Ahmad Shafri  
Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2018/2019  
Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan

Intan Noor Shaziera binti Ridzuan  
S/U Agung Perwakilan Pelajar Sesi 2018/2019  
Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan

## SETIAUSAHA

2 (5) Statut Universiti Malaysia Kelantan (Senat) 2018

Aslina binti Abdullah  
Timbalan Pendaftar  
Bahagian Pentadbiran Akademik



# BAB 1 :

## RINGKASAN EKSEKUTIF NAIB CANSELOR UMK 2019



## RINGKASAN EKSEKUTIF NAIB CANSELOR


Bismillahirrahmanirrahim,  
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh  
dan Salam Sejahtera.

Saya mengucapkan setinggi - tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya Universiti Malaysia Kelantan (UMK) kini semakin kukuh bertapak sebagai sebuah universiti berteraskan pendidikan keusahawanan. Ribuan terima kasih juga saya tujukan kepada seluruh Ahli Jawatankuasa Penerbitan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Kelantan Tahun 2019 kerana telah berjaya menyediakan laporan yang sangat bertepatan dengan kehendak dan keperluan bagi pembentangan di Mesyuarat Jemaah Menteri dan Parlimen Malaysia.

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) kini telah mencapai usia 14 tahun penubuhannya yang saya kira satu tempoh yang sudah cukup untuk membuktikan bahawa UMK mampu berdiri setanding dengan Universiti Awam (UA) yang lain dalam menentukan corak dan hala tuju misi dan visinya sebagai sebuah 'Universiti Keusahawanan' terunggul di rantau ini. Iltizam dan semangat juang seluruh warga UMK telah berjaya membawa universiti berada pada satu tahap yang mula disegani dan dipandang tinggi oleh pemerhati akademik dan juga masyarakat Malaysia amnya. Sesungguhnya pencapaian yang ditonjolkan menerusi kejayaan-kejayaan gemilang dalam segenap hal yang mencakupi bidang pengajaran dan pembelajaran, pembangunan hal ehwal pelajar dan alumni, bidang penyelidikan dan inovasi serta pengurusan sistem tadbir urus universiti telah mengharumkan nama UMK dalam dan luar negara.

Sehubungan itu, pencapaian UMK dalam bidang pengajaran dan pembelajaran dimulakan dengan kejayaan universiti menawarkan program **Work-Based Learning (WBL) 2u2i** untuk Program Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan di Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP). Program **2u2i** merupakan program akademik yang menggunakan konsep dua (2) tahun di universiti dan dua (2) tahun di industri. Program ini akan dikembangkan ke Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan (FHPK) dengan melibatkan penambahan tiga (3) program pengajian. Pada tahun 2019, UMK telah mempunyai 222 orang pelajar yang terlibat dengan program **2u2i**.

Selain itu juga, UMK telah berjaya menyediakan platform pembelajaran dalam talian yang dikenali sebagai **Learning Management System (LMS)** atau **eCampus 2.0**. Oleh itu, menerusi platform ini, penggunaan 'Pembelajaran Teradun' atau **'Blended Learning'** atas talian telah meningkat kepada 94.5% pada tahun 2019 berbanding 84.5% penggunaan pada tahun 2018. Selain itu juga, UMK telah berjaya melaksanakan 70% projek rintis Pembelajaran Teradun Gantian (PTG) bagi kursus-kursus berkaitan di semua Fakulti termasuk Pusat Pengajian Bahasa & Pembangunan Insaniah (PBI). Sehingga kini, pembangunan **Massive Open Online Course (MOOC)** di UMK telah meningkat kepada 60 kursus pada tahun 2019 berbanding 45 kursus pada tahun 2018.



Seterusnya pengurusan pembangunan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) telah menunjukkan kejayaan yang sangat cemerlang apabila berjaya meningkatkan nilai mata 'Kebolehpasaran Graduan' atau 'Graduate Employability' (GE) UMK pada tahun 2019 iaitu sebanyak 91.9% berbanding tahun 2018 iaitu sebanyak 70%. Manakala nilai mata GE yang bekerja atau menjadi usahawan hasil dapatan Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) pada tahun 2019 juga menunjukkan peningkatan ketara iaitu sebanyak 12.97% berbanding tahun 2018 iaitu sebanyak 2.8%. Pencapaian ini merupakan penyumbang utama kenaikan GE UMK sekali gus menjadi nilai GE tertinggi di kalangan Universiti Awam (UA).

Selain daripada itu, penglibatan pelajar dalam perniagaan semasa pengajian pada tahun 2019 semakin meningkat kepada 778 orang berbanding tahun 2018 iaitu sebanyak 703 orang pelajar. Peningkatan ini didorong oleh inisiatif kerajaan dengan menyediakan platform pendaftaran perniagaan secara percuma melalui Skim 1Pelajar 1Perniagaan dan telah berjaya menarik minat pelajar untuk menjalankan perniagaan. Selain itu juga, latihan berkaitan keusahawanan, pemberian pinjaman melalui Skim Pinjaman Mikro sehingga nilai maksimum RM5,000, sewaan kiosk usahawan muda dan pelbagai program yang berinspirasi yang disediakan oleh pihak Universiti telah mendorong peningkatan aktiviti keusahawanan dalam kalangan pelajar UMK.

Alumni UMK yang berdaftar di bawah Syarikat Siswa Universiti (SSU) iaitu The Bakes telah menerima anugerah dan pengiktirafan di Malaysia Franchising Awards (MFA) 2019 dalam kategori Penulisan Perancangan Perniagaan Francais Terbaik. Pada pertandingan tersebut, The Bakes yang diketuai oleh Ezatul Hanani binti Zawawi berjaya menewaskan 10 finalis kategori penyertaan mahasiswa universiti dengan mengetengahkan projek perniagaan berasaskan Kek Batik.

Penyelidikan dan inovasi sentiasa ditekankan kepada seluruh warga UMK. Oleh itu, pada tahun 2019 UMK berjaya memperolehi sebanyak 135 geran yang

bernilai RM7,409,370.00 berbanding 91 geran pada tahun 2018 berjumlah RM4,469,944.00. Pencapaian ini membuktikan bahawa aktiviti penyelidikan dan inovasi UMK semakin giat berkembang ke arah yang lebih positif dan berimpak sama ada kepada universiti mahupun masyarakat seluruhnya.

Pada tahun 2019 juga dapat dilihat pada pencapaian yang membanggakan dalam bidang penyelidikan dan inovasi apabila UMK menang besar di *International University Carnival on E-Learning (IUCEL 2019)* dengan merangkul tujuh (7) Pingat Emas, Sembilan (9) Pingat Perak dan empat (4) Pingat Gangsa daripada 20 penyertaan.

Pemantapan sistem tadbir urus Universiti merupakan tunjang utama dalam kecemerlangan organisasi di mana sejarah telah terlakar dan menjadi kebanggaan kepada semua warga UMK apabila Pusat Pengurusan Persekitaran dan Kesihatan Pekerjaan (CMeOSH) telah menjadi institusi pendidikan pertama di Malaysia yang telah berjaya mendapat pensijilan ISO 45001:2018 *Occupational Health and Safety Management System (OHSMS)* bagi sistem pengurusan Keselamatan Kesihatan Pekerja di UMK.

Dari segi kewangan pula Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah berjaya dianugerahkan Sijil Pematuhan *Standard Accounting System for Government Agencies (SAGA)* oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM). Anugerah tersebut adalah pengiktirafan di atas pencapaian dalam membangunkan sistem perakaunan dan kewangan oleh agensi-agensi kerajaan dengan mematuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh pihak JANM.

Selain daripada itu, Bank Islam Malaysia Berhad telah menganugerahkan UMK sebagai Pengguna Pengurusan Kewangan Terbaik. UMK diiktiraf sebagai penerima *Top Cash Management Solutions Subscriber* dari Bank Islam Malaysia Berhad dan UMK juga terpilih sebagai pemenang berdasarkan kadar penggunaan yang tinggi terhadap portal bayaran menerusi *Ebanker*.


Kejayaan UMK pada hari ini merupakan kerjasama semua pihak yang berkepentingan. Saya ingin menzahirkan ucapan penghargaan kepada Yang Terama Mulia Tuanku Canselor, Yang Berhormat Mulia Tengku Pro-Canselor, Ahli Lembaga Pengarah Universiti, Pengurusan Tertinggi Universiti, warga Universiti, mahasiswa dan rakan-rakan industri yang memberi sokongan tidak berbelah bahagi terhadap usaha dan inisiatif Universiti untuk terus kekal sebagai sebuah Universiti yang relevan kepada masyarakat. Semoga segala usaha kita sentiasa mendapati keberkatan dan pertolongan daripada Allah S.W.T.

*"A Knowledge valley where noble ideas flourish, great entrepreneurship minds meet, innovate and create"*

Sekian, terima kasih.

Entrepreneurship is Our Thrust  
Kita#BinaLegasiUMK Bersama  
#WeAreUMKFamily  
#OneUMKOneDream


**Prof. Dato' Ts. Dr. Noor Azizi bin Ismail**  
Naib Canselor  
Universiti Malaysia Kelantan



# BAB 2 :

## VARIASI GEMILANG UMK 2019

## 1. Graduate Employability (GE)



- Pada tahun 2019 UMK telah mencatatkan kejayaan cemerlang dalam pencapaian Graduate Employability (GE) dengan menunjukkan peningkatan ketara pada tahun 2019 iaitu 91.9% berbanding pada tahun 2018 iaitu sebanyak 70%.



Pencapaian cemerlang ini hasil usaha dan tindakan proaktif pihak Universiti dengan mewujudkan 'Struktur Tadbir Urus Kebolehpasaran Graduan' iaitu:

- i. Jawatankuasa Pemandu GE yang dipengerusikan oleh Naib Canselor.
- ii. Melantik Penyelaras GE di setiap fakulti.



UMK juga telah merangka Pelan Strategik Graduate Employability (GE) UMK dengan penyusunan program 'soft skill' pelajar bermula dari Tahun 1 – Tahun 4 iaitu:

- i. *Starting School*
- ii. *Pre-Finishing School*
- iii. *Finishing School*

Antara pelaksanaan program / aktiviti yang dilaksanakan:

- i. Taklimat LinkedIn
- ii. "Engagement" pelajar bersama Industri - CUIC
- iii. CEO Talk menerusi FB Live/Google Meet
- iv. Visume
- v. Taklimat SKPG Melalui Video dan Face to Face

Program dan aktiviti keusahawanan yang dilaksanakan kepada pelajar juga merupakan faktor penyumbang kepada peningkatan keusahawanan pelajar dari dalam kampus antaranya adalah:

- i. Program 'Young Preneur Bootcamp' SSU
- ii. Bengkel Program Pemerkasaan Keusahawanan Keluarga
- iii. Gerak Gempur Keusahawanan Pelajar
- iv. Pertandingan Usahawan Inovasi Peringkat UMK
- v. *Corporate Directors Training Programme* (CDTP)
- vi. Bengkel Pemantapan SSU
- vii. Mengadakan *Frontier Street* untuk meningkatkan lagi 'visibility' dan meningkatkan aktiviti perniagaan serta melengkapkan ekosistem keusahawanan

Selain itu, UMK telah menerima dana Program Intervensi Kebolehpasaran Graduan KPT pada tahun 2019 sebanyak RM513,760.00 bagi membantu pelajar dalam mendapatkan sijil profesional sebagai nilai tambah dalam mendapatkan peluang pekerjaan.




Aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh alumni UMK



wajah ceria pelajar setelah berjaya menjadi sebahagian daripada keluarga besar UMK

## 2. Pencapaian (iGoT) Sarjana Muda



- Peningkatan peratus pelajar yang berjaya menamatkan pengajian dalam tempoh masa yang ditetapkan (iGoT) bidang Sarjana Muda menunjukkan peningkatan pada tahun 2019 iaitu sebanyak 90% berbanding tahun 2018. Pencapaian ini hasil tindakan proaktif yang diambil oleh pihak universiti dengan menawarkan semester pendek kepada pelajar yang memenuhi kriteria pengijazahan bagi tujuan bergraduat. Selain itu, pelajar juga diselia oleh penasihat akademik mengikut fakulti yang bertujuan untuk memantau dan memberi khidmat nasihat kepada pelajar bagi membolehkan mereka terus bersemangat meneruskan pembelajaran di universiti.



*Wajah gembira para graduan UMK yang telah berjaya menamatkan pengajian dalam bidang masing - masing pada Majlis Istiadat Konvokesyen UMK kali-9 tahun 2019.*


### 3. Penerbitan jurnal dan prosiding

- Jumlah penerbitan dalam jurnal dan prosiding berindeks bagi setiap staf akademik di universiti pada tahun 2019 menunjukkan peningkatan yang amat ketara iaitu sebanyak 0.87 bersamaan 316 artikel melebihi sasaran yang ditetapkan untuk Universiti Awam (UA) iaitu sebanyak 0.75.



### 4. Sitasi kumulatif

- Pencapaian jumlah sitasi kumulatif bagi setiap staf akademik di universiti pada tahun 2019 adalah sebanyak 8.2 yang dilaporkan dalam MYRA berbanding tahun 2018 iaitu 4.8 meningkat sebanyak 70.8%. Kejayaan ini telah melebihi sasaran yang telah ditetapkan iaitu 8.0.



## 5. Pensijilan ISO 45001:2018 Occupational Health and Safety Management System (OHSMS)

- UMK mencatat sejarah sebagai Universiti Awam (UA) pertama menerima pensijilan ISO 45001:2018 Occupational Health and Safety Management System (OHSMS) untuk skop pengurusan dan penyelenggaraan sistem Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH) di seluruh organisasi di Universiti melalui Pusat Pengurusan Persekitaran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (CMeOSH). Pensijilan itu membuktikan keupayaan pihak-pihak pengurusan tertinggi UMK dalam mewujudkan teras utama bagi memastikan kepentingan tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan kepada seluruh warga UMK.



## 6. Penggunaan perisian *augmented reality* (AR Code)

- UMK merupakan Universiti Awam (UA) pertama yang telah berjaya mengadaptasi penggunaan teknologi terkini AR Code UMK untuk Penerbitan buku istiadat konvokesyen, kalendar dan diari rasmi UMK tahun 2019. Melalui kaedah ini, 40% daripada jumlah keseluruhan kos percetakan dapat diijmatkan apabila perisian AR Code ini mampu mengurangkan 33.3% jumlah muka surat sekali gus dapat meningkatkan tahap kreativiti dan inovasi dalam bidang penerbitan korporat.



**COKMAR UNIVERSITI**  
**THE UNIVERSITY'S MACE**



**LANGKAH 1: MUAT TURUN**  
Muat turun aplikasi "AR UMK" di Google Play Store atau Apple App Store

**STEP 1: DOWNLOAD**  
Download "AR UMK" application in the Google Play Store or Apple App Store



**LANGKAH 2: IMBAS**  
Imbas gambar COKMAR UNIVERSITI dengan aplikasi "AR UMK"

**STEP 2: SCAN**  
Scan the UNIVERSITY'S MACE image by "AR UMK" application



**LANGKAH 3: VIDEO DIPAPARKAN**  
Video akan terpapar di skrin telefon pintar

**STEP 3: VIDEO POP-UP**  
Video will pop-up on the smartphone screen




UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

LOGO UNIVERSITI  
*UNIVERSITY LOGO*



**LANGKAH 1: MUAT TURUN**  
Muat turun aplikasi "AR UMK" di  
Google Play Store atau Apple App  
Store

**STEP 1: DOWNLOAD**  
*Download "AR UMK" application in the  
Google Play Store or Apple App Store*



**LANGKAH 2: IMBAS**  
Imbas gambar LOGO UNIVERSITI  
dengan aplikasi "AR UMK"

**STEP 2: SCAN**  
*Scan the LOGO UNIVERSITY image by  
"AR UMK" application*




**LANGKAH 3: VIDEO DIPAPARKAN**  
Video akan terpapar di skrin telefon  
pintar

**STEP 3: VIDEO POP-UP**  
*Video will pop-up on the smartphone  
screen*

## 7. Syarikat Siswa Universiti (SSU)

- UMK telah melahirkan ramai pelajar dan alumni yang menceburi bidang keusahawanan. Statistik tahun 2019 menunjukkan sebanyak 569 buah Syarikat Siswa Universiti (SSU) telah ditubuhkan berbanding tahun 2018 iaitu sebanyak 376 buah syarikat meningkat sebanyak 51.3%. Penubuhan syarikat pada tahun 2019 ini telah melibatkan seramai 778 orang pelajar berbanding tahun 2018 iaitu sebanyak 632 orang meningkat sebanyak 23.1%. Purata keuntungan kasar yang diperolehi ialah dari RM500 sehingga RM5,000 sebulan.





*Alumni UMK yang berjaya dalam bidang keusahawanan ialah Encik Hakimullah Khabilu yang menubuhkan Ruby Coffee Enterprise dan Khabilu Sdn. Bhd. dan juga Encik Muhammad Hafizuddin Hiew bin Abdullah yang merupakan CEO dalam Tunas Duta Cemerlang Sdn. Bhd.*

## 8. Jaringan dan Kolaborasi

- UMK telah melantik tiga (3) Syarikat Korporat terbesar di Malaysia sebagai rakan strategik Universiti Malaysia Kelantan (UMK) melalui program *Academia-Industry Talent Exchange Programme* (AlxCHANGE): CEO@Faculty Programme 1.0. iaitu;
  - i. Tan Sri Dr. Mohd Nadzmi Salleh  
Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Nadicorp Berhad
  - ii. Dato' Bruce Lim Aun Choong  
Managing Director Technoriant / Ketua Eksekutif Nexus, Malaysia Productivity Corporation
  - iii. Mr. Zhou Leo Chow  
Ketua Pegawai Eksekutif Lazada Malaysia.



# Congratulations



on the appointment as  
**CEOs for the**  
**AIxCHANGE**  
**CEO@FACULTY**  
**PROGRAMME 1.0**

"LEARN FROM THE PROS"  
(2019-2020)

*From the*

Chairman and Members of the Board of Directors,  
Vice Chancellor, Senate Members and  
Community of Universiti Malaysia Kelantan



**MR. LEO CHOW**  
Chief Executive Officer  
*Lazada Malaysia*

**DATO' BRUCE LIM  
AUN CHOONG**  
Managing Director  
*Technoriant Sdn. Bhd*

**TAN SRI DR. MOHD NADZMI  
MOHD SALLEH**  
Executive Chairman  
*Nadcorp Holdings Sdn. Bhd.*



OfficialUMK  
@umk.edu.my

Entrepreneurship  
@ Thrust

#WeAreUMKFamily

#BinaUMK  
Bersama

#OneUMKOneDream



TECHNORARIANT



**9. UMK telah merangkul tujuh (7) pingat emas, sembilan (9) perak dan empat (4) gangsa di IUCEL2019**

- UMK meraih anugerah utama pada *International University Carnival on E-Learning (IUCEL2019)* bertempat di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) menerusi projek '*Best Facilitator E-Learning Award*' yang dimenangi oleh Pengarah Pusat Kecemerlangan Pengurusan Akademik (PKPA), Prof. Madya Dr. Suria Baba dan projek '*Outstanding E-Learning Mobile Apps Award*' oleh Pensyarah dari Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah (PBI), En. Ahmad Zaki Amiruddin dan Cik Amanee Abdul Hai.



*Barisan penyelidik UMK yang berjaya memperoleh pingat masing-masing semasa di IUCEL2019*

**10. Sijil Pematuhan Standard Accounting System for Government Agencies (SAGA)**

- Pengurusan kewangan UMK telah berjaya dianugerahkan Sijil Pematuhan Standard Accounting System for Government Agencies (SAGA) oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM). Anugerah ini adalah pengiktirafan di atas pencapaian dalam membangunkan sistem perakaunan dan kewangan oleh agensi-agensi kerajaan dengan mematuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh pihak JANM.
- Selain daripada itu, Bank Islam Malaysia Berhad telah menganugerahkan UMK sebagai Pengguna Pengurusan Kewangan Terbaik. UMK diiktiraf sebagai penerima Top Cash Management Solutions Subscriber dari Bank Islam Malaysia Berhad dan UMK juga terpilih sebagai pemenang berdasarkan kadar penggunaan yang tinggi terhadap portal bayaran menerusi Ebanker.

## 11. Malaysia Franchising Awards (MFA) 2019

- Kejayaan UMK melahirkan alumni yang berjaya iaitu The Bakes kerana telah menerima anugerah dan pengiktirafan dalam Malaysia Franchising Awards (MFA) 2019 dalam kategori Penulisan Perancangan Perniagaan Francais Terbaik. The Bakers, yang diketuai oleh Ezatul Hanani Binti Zawawi yang mengetengahkan projek pemiagaan berasaskan Kek Batik telah berjaya menewaskan 10 finalis kategori penyertaan mahasiswa Universiti pada pertandingan.



## 12. Produk Penyelidikan dan Inovasi



*Produk berasaskan arang dan produk KENAF UMK terima pengiktirafan di MYC MESTECC 2019*

- UMK sekali lagi mendapat pengiktirafan di peringkat nasional dan antarabangsa dengan menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) dengan syarikat I Medikel Cosmeceutical (M) Sdn. Bhd. bagi membangunkan aktiviti penyelidikan serta pengkomersialan universiti melalui kerjasama dengan industri. UMK dengan kerjasama syarikat I Medikel Cosmeceutical telah membangunkan produk penyelidikan bertajuk Use Of Active-Bio Carbon As Active Ingredient For Multifunctional Effect In Personal Care Product yang dihasilkan oleh Prof. Madya Dr. Palsan Sannasi Abdullah.

### 13. Pelancaran Laman E-Dagang UNIK19.com



*UMK Lancar Laman E- Dagang UNIK19.Com buka peluang kepada komuniti usahawan pasarkan produk masing-masing.*

- UMK menyediakan peluang perniagaan secara online kepada penyelidik, usahawan dan komuniti niaga untuk memasarkan produk mereka menerusi platform Laman E-Dagang UNIK19.com. Sistem jualan atas talian ini dibangunkan oleh Institut Keusahawanan UMK (UMKEI) melalui geran projek keusahawanan berimpak tinggi yang disalurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Platform UNIK19.com adalah nama simbolik kepada UMK selaku universiti awam ke 19. Pelancaran UNIK19.com adalah seiring dengan perkembangan ledakan teknologi IR4.0 bahawa pentingnya digital platform untuk memasarkan produk secara atas talian atau maya.



# BAB 3 :

PETUNJUK & PRESTASI  
UTAMA PENCAPAIAN  
UMK 2019

**PETUNJUK PRESTASI UTAMA DAN PENCAPAIAN UMK  
TAHUN 2019 BERDASARKAN MINISTER'S KEY PERFORMANCE INDICATOR (MKPI)**

Petunjuk Prestasi Utama	Penunjuk Kecekapan		
	Pencapaian Tahun		
	2017	2018	2019
Peratus graduan yang mendapat pekerjaan, menjadi usahawan, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran atau menunggu penempatan, pada tahun konvokesyen.	58.4%	70%	91.90%
Jumlah penerbitan dalam jurnal dan prosiding berindeks bagi setiap staf akademik di universiti.	0.53	0.55	0.87
Jumlah sitasi kumulatif bagi setiap staf akademik di universiti.	3.25	4.8	8.2
Jumlah penjanaan pendapatan sendiri berbanding dengan jumlah perbelanjaan mengurus, yang telah ditetapkan.	29%	21.83%	29.97%
Peratus kecaciran pelajar berdasarkan peringkat pengajian di universiti: (i) Sarjana Muda; (ii) Sarjana; dan (iii) PhD.	9% 28% 43%	9% 14.6% 37.5%	6% 27.3% 53.8%
Peratus pelajar yang berjaya menamatkan pengajian dalam masa yang ditetapkan (iGoT) di universiti: (i) Sarjana Muda; (ii) Sarjana; dan (iii) PhD.	84% 38% 14%	85% 27% 44%	90% 48.2% 30.8%
Menjuarai sebagai Jenama Pendidikan Malaysia di Peringkat Antarabangsa: (i) bilangan pelajar antarabangsa; dan (ii) bilangan pelajar antarabangsa pascasiswazah.	75 60	46 32	71 32



# BAB 4 :

## ANALISIS PRESTASI KEWANGAN UMK 2019


## PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN KUMPULAN

Keseluruhan pendapatan kumpulan bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM185.32 juta berbanding RM206.92 juta pada tahun 2018, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM21.60 juta atau 10.44%. Manakala keseluruhan perbelanjaan kumpulan RM184.09 juta bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM189.23 juta berbanding juta pada tahun 2018, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM5.14 juta atau 2.72%. Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan kumpulan adalah seperti dalam Jadual 1.1 dan Carta 1.1.

Jadual 1.1 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan

Perkara/Tahun	2019	2018	Perbezaan	
	RM (Juta)	RM (Juta)	RM (Juta)	%
Pendapatan	185.32	206.92	(21.60)	(10.44)
Perbelanjaan	184.09	189.23	(5.14)	(2.72)

Carta 1.1 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan




Pendapatan kumpulan yang berjumlah RM185.32 (2018 : RM206.92 juta) adalah merangkumi pemberian Kerajaan sebanyak RM137.56 juta (2018 : RM152.56 juta), yuran pelajar sebanyak RM35.11 juta (2018 : RM34.62 juta) dan pendapatan lain sebanyak RM12.65 juta (2018 : RM19.74 juta). Pemberian Kerajaan merupakan sumber pendapatan terbesar iaitu 74.23% daripada jumlah keseluruhan pendapatan kumpulan. Perbandingan komposisi sumber pendapatan kumpulan adalah seperti Jadual 1.2 dan Carta 1.2.

Jadual 1.2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan

Perkara/Tahun	2019		2018	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Pemberian Kerajaan	137.56	74.23	152.56	73.73
Yuran Pelajar	35.11	18.94	34.62	16.73
Pendapatan Lain	12.65	6.83	19.74	9.54
<b>Jumlah</b>	<b>185.32</b>	<b>100.00</b>	<b>206.92</b>	<b>100.00</b>

Carta 1.2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan




Perbelanjaan kumpulan yang berjumlah RM184.09 juta (2018 : RM189.23 juta) adalah merangkumi emolumen sebanyak RM71.39 juta (2018 : RM67.82 juta), perkhidmatan & bekalan sebanyak RM82.13 juta (2018 : RM88.56 juta), pemberian & kenaikan bayaran tetap sebanyak RM1.81 juta (2018 : RM3.86 juta), perbelanjaan lain RM7.73 juta (2018 : RM7.91 juta) dan susutnilai tahunan sebanyak RM21.03 juta (2018 : RM21.08 juta). Perbelanjaan ke atas perkhidmatan & bekalan merupakan perbelanjaan yang terbesar iaitu 44.62% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan kumpulan. Perbandingan komposisi perbelanjaan kumpulan adalah seperti Jadual 1.3 dan Carta 1.3.

Jadual 1.3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan

Perkara/Tahun	2019		2018	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Emolumen	71.39	38.78	67.82	35.84
Perkhidmatan & Bekalan	82.13	44.62	88.56	46.80
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	1.81	0.98	3.86	2.04
Perbelanjaan Lain	7.73	4.20	7.91	4.18
Susutnilai Tahunan	21.03	11.42	21.08	11.14
<b>Jumlah</b>	<b>184.09</b>	<b>100.00</b>	<b>189.23</b>	<b>100.00</b>

Carta 1.3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan




## PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN UNIVERSITI

Keseluruhan pendapatan Universiti bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM183.34 juta berbanding RM204.92 juta pada tahun 2018, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM21.58 juta atau 10.53%. Manakala keseluruhan perbelanjaan Universiti bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM186.26 juta berbanding RM194.12 juta pada tahun 2018, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM7.86 juta atau 4.05%. Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan Universiti adalah seperti dalam Jadual 2.1 dan Carta 2.1.

*Jadual 2.1 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Universiti*

Perkara/Tahun	2019	2018	Perbezaan	
	RM (Juta)	RM (Juta)	RM (Juta)	%
Pendapatan	183.34	204.92	(21.58)	(10.53)
Perbelanjaan	186.26	194.12	(7.86)	(4.05)

*Carta 2.1 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Universiti*




Pendapatan Universiti yang berjumlah RM183.34 juta (2018 : RM204.92 juta) adalah merangkumi pemberian Kerajaan sebanyak RM137.55 juta (2018 : RM152.56 juta), yuran pelajar sebanyak RM35.11 juta (2018 : RM34.62 juta) dan pendapatan lain sebanyak RM10.68 juta (2018 : RM17.74 juta). Pemberian Kerajaan merupakan sumber pendapatan terbesar iaitu 75.02% daripada jumlah keseluruhan pendapatan Universiti. Perbandingan komposisi sumber pendapatan Universiti adalah seperti Jadual 2.2 dan Carta 2.2.

*Jadual 2.2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Universiti*

Perkara/Tahun	2019		2018	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Pemberian Kerajaan	137.55	75.02	152.56	74.45
Yuran Pelajar	35.11	19.15	34.62	16.89
Pendapatan Lain	10.68	5.83	17.74	8.66
<b>Jumlah</b>	<b>183.34</b>	<b>100.00</b>	<b>204.92</b>	<b>100.00</b>

*Carta 2.2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Universiti*




Perbelanjaan Universiti yang berjumlah RM186.26 juta (2018 : RM194.12 juta) adalah merangkumi emolumen sebanyak RM71.37 juta (2018 : RM67.80 juta), perkhidmatan & bekalan sebanyak RM86.27 juta (2018 : RM94.01 juta), pemberian & kenaikan bayaran tetap sebanyak RM1.81 juta (2018 : RM5.45 juta), perbelanjaan lain RM6.59 juta (2018 : RM6.52 juta) dan susutnilai tahunan sebanyak RM20.22 juta (2018 : RM20.34 juta). Perbelanjaan ke atas perkhidmatan & bekalan merupakan perbelanjaan yang terbesar iaitu 46.31% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan Universiti. Perbandingan komposisi perbelanjaan Universiti adalah seperti Jadual 2.3 dan Carta 2.3.

*Jadual 2.3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Universiti*

Perkara/Tahun	2019		2018	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Emolumen	71.37	38.32	67.80	34.93
Perkhidmatan & Bekalan	86.27	46.31	94.01	48.43
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	1.81	0.97	5.45	2.80
Perbelanjaan Lain	6.59	3.54	6.52	3.36
Susutnilai Tahunan	20.22	10.86	20.34	10.48
<b>Jumlah</b>	<b>186.26</b>	<b>100.00</b>	<b>194.12</b>	<b>100.00</b>

*Carta 2.3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Universiti*



## PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN KUMPULAN WANG

Perbelanjaan Universiti dibiayai oleh empat (4) kumpulan wang iaitu Kumpulan Wang Mengurus, Pembangunan, Penyelidikan dan Amanah. Pendapatan dan perbelanjaan setiap kumpulan wang mengikut adalah sebagaimana berikut:


### (a) Kumpulan Wang Mengurus

Keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Mengurus bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM147.27 juta berbanding RM140.76 juta pada tahun 2018, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM6.51 juta atau 4.62%. Manakala keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM157.40 juta berbanding RM156.57 juta pada tahun 2018, ini menunjukkan pertambahan sebanyak RM0.83 juta atau 0.53%. Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus adalah seperti dalam Jadual 3.1 dan Carta 3.1.

*Jadual 3.1 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus*

Perkara/Tahun	2019	2018	Perbezaan	
	RM (Juta)	RM (Juta)	RM (Juta)	%
Pendapatan	147.27	140.76	6.51	4.62
Perbelanjaan	157.40	156.57	0.83	0.53

*Carta 3.1 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus*




Pendapatan Kumpulan Wang Mengurus yang berjumlah RM147.27 juta (2018 : RM140.76 juta) adalah merangkumi pemberian Kerajaan sebanyak RM115.67 juta (2018 : RM107.72 juta), yuran pelajar sebanyak RM23.68 juta (2018 : RM23.38 juta) dan pendapatan lain sebanyak RM7.92 juta (2018 : RM9.66 juta). Pemberian Kerajaan merupakan sumber pendapatan terbesar iaitu 78.54% daripada jumlah keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Mengurus. Perbandingan komposisi sumber pendapatan Kumpulan Wang Mengurus adalah seperti Jadual 3.2 dan Carta 3.2.

**Jadual 3.2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan Wang Mengurus**

Perkara/Tahun	2019		2018	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Pemberian Kerajaan	115.67	78.54	107.72	76.53
Yuran Pelajar	23.68	16.08	23.38	16.61
Pendapatan Lain	7.92	5.38	9.66	6.86
<b>Jumlah</b>	<b>147.27</b>	<b>100.00</b>	<b>140.76</b>	<b>100.00</b>

**Carta 3.2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan Wang Mengurus**




Perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus yang berjumlah RM157.40 juta (2018 : RM156.57 juta) adalah merangkumi emolumen sebanyak RM71.37 juta (2018 : RM67.79 juta), perkhidmatan & bekalan sebanyak RM76.33 juta (2018 : RM76.49 juta), pemberian & kenaan bayaran tetap sebanyak RM1.68 juta (2018 : RM2.27 juta), perbelanjaan lain RM3.42 juta (2018 : RM4.22 juta) dan susutnilai tahunan RM4.60 juta (2018 : RM5.80 juta). Perbelanjaan ke atas perkhidmatan & bekalan merupakan perbelanjaan yang terbesar iaitu 45.34% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus. Perbandingan komposisi perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus adalah seperti Jadual 3.3 dan Carta 3.3.

Jadual 3.3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus

Perkara/Tahun	2019		2018	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Emolumen	71.37	45.34	67.79	43.30
Perkhidmatan & Bekalan	76.33	48.49	76.49	48.85
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	1.68	1.07	2.27	1.45
Perbelanjaan Lain	3.42	2.17	4.22	2.70
Susutnilai tahunan	4.60	2.92	5.80	3.70
<b>Jumlah</b>	<b>157.40</b>	<b>100.00</b>	<b>156.57</b>	<b>100.00</b>

Carta 3.3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus




**(b) Kumpulan Wang Pembangunan**

Keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM18.54 juta berbanding tahun 2018 sebanyak RM39.72 juta. Keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM15.30 juta berbanding RM15.52 juta pada tahun 2018, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM0.22 juta atau 1.42%. Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan adalah seperti dalam Jadual 4.1 dan Carta 4.1.

*Jadual 4.1 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan*

Perkara/Tahun	2019	2018	Perbezaan	
	RM (Juta)	RM (Juta)	RM (Juta)	%
Pendapatan	18.54	39.72	(21.18)	(53.32)
Perbelanjaan	15.30	15.52	(0.22)	(1.42)

*Carta 4.1 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan*




Komposisi sumber pendapatan Kumpulan Wang Pembangunan adalah seperti Jadual 4.2 dan Carta 4.2.

*Jadual 4.2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan Wang Pembangunan*

Perkara/Tahun	2019	2018	Perbezaan	
	RM (Juta)	RM (Juta)	RM (Juta)	%
Pemberian Kerajaan	18.54	39.72	(21.18)	(53.32)
<b>Jumlah</b>	<b>18.54</b>	<b>39.72</b>	<b>(21.18)</b>	<b>(53.32)</b>

*Carta 4.2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan Wang Pembangunan*




Perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan yang berjumlah RM15.30 juta (2018 : RM15.52 juta) adalah merangkumi perkhidmatan & bekalan sebanyak RM0.07 juta (2018 : RM0.29 juta), tiada perbelanjaan bagi perbelanjaan lain (2018 : RM0.99 juta) dan susutnilai tahunan sebanyak RM15.23 juta (2018 : RM14.25 juta). Perbelanjaan ke atas susutnilai tahunan merupakan perbelanjaan yang terbesar iaitu 99.55% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan. Perbandingan komposisi perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan adalah seperti Jadual 4.3 dan Carta 4.3.

*Jadual 4.3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan*

Perkara/Tahun	2019		2018	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Perkhidmatan & Bekalan	0.07	0.45	0.29	1.87
Perbelanjaan Lain	0.00	-	0.99	6.38
Susutnilai tahunan	15.23	99.55	14.24	91.75
<b>Jumlah</b>	<b>15.30</b>	<b>100.00</b>	<b>15.52</b>	<b>100.00</b>

*Carta 4.3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan*




(c) Kumpulan Wang Penyelidikan

Pada tahun 2019, pendapatan Kumpulan Wang Penyelidikan bagi tahun 2019 adalah RM1.07 juta berbanding RM3.41 juta pada tahun 2018, ini menunjukkan penurunan sebanyak RM2.34 juta atau 68.61%. Manakala keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM1.89 juta berbanding RM3.49 juta pada tahun 2018, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM1.60 juta atau 45.85%. Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan adalah seperti dalam Jadual 5.1 dan Carta 5.1.

Jadual 5.1 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan

Perkara/Tahun	2019	2018	Perbezaan	
	RM (Juta)	RM (Juta)	RM (Juta)	%
Pendapatan	1.07	3.41	(2.34)	(68.61)
Perbelanjaan	1.89	3.49	(1.60)	(45.85)

Carta 5.1 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan




Perbandingan komposisi sumber pendapatan Kumpulan Wang Penyelidikan adalah seperti Jadual 5.2 dan Carta 5.2.

*Jadual 5.2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan Wang Penyelidikan*

Perkara/Tahun	2019		2018	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Pemberian Kerajaan	1.04	96.84	3.41	100.00
Lain-lain	0.03	3.16	-	-
<b>Jumlah</b>	<b>1.07</b>	<b>100.00</b>	<b>3.41</b>	<b>100.00</b>

*Carta 5.2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan Wang Penyelidikan*




Perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan yang berjumlah RM1.89 juta (2018 : RM0.35 juta) adalah merangkumi perkhidmatan & bekalan sebanyak RM1.67 juta (2018 : RM3.37 juta) pemberian & kenaan bayaran tetap RM0.12 juta (2018 : tiada) dan susutnilai tahunan sebanyak RM0.10 juta (2018 : 0.01 juta). Perbelanjaan ke atas perkhidmatan & bekalan merupakan perbelanjaan yang terbesar iaitu 88.36% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan. Perbandingan komposisi perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan adalah seperti Jadual 5.3 dan Carta 5.3.

Jadual 5.3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan

Perkara/Tahun	2019		2018	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Perkhidmatan & Bekalan	1.67	88.36	3.37	96.56
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	0.12	6.35	-	-
Perbelanjaan Lain	0.00	0.00	0.03	0.86
Susutnilai Tahunan	0.10	5.29	0.09	2.58
<b>Jumlah</b>	<b>1.89</b>	<b>100.00</b>	<b>3.49</b>	<b>100.00</b>

Carta 5.3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan




(d) Kumpulan Wang Amanah

Keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Amanah bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM16.45 juta berbanding RM21.03 juta pada tahun 2018, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM4.58 juta atau 21.78%. Manakala keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM11.66 juta berbanding RM18.53 juta pada tahun 2018, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM6.97 juta atau 36.99%. Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah adalah seperti dalam Jadual 6.1 dan Carta 6.1.

Jadual 6.1 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah

Perkara/Tahun	2019	2018	Perbezaan	
	RM (Juta)	RM (Juta)	RM (Juta)	%
Pendapatan	16.45	21.03	(4.58)	(21.78)
Perbelanjaan	11.66	18.53	(6.87)	(37.08)

Carta 6.1 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah




Pendapatan Kumpulan Wang Amanah yang berjumlah RM16.45 juta (2018 : RM21.03 juta) adalah merangkumi pemberian Kerajaan sebanyak RM2.30 juta (2018 : RM1.72 juta), yuran pelajar sebanyak RM11.42 juta (2018 : RM11.24 juta) dan pendapatan lain sebanyak RM2.73 juta (2018 : RM8.07 juta). Yuran pelajar merupakan sumber pendapatan terbesar iaitu 69.42% daripada jumlah keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Amanah. Perbandingan komposisi sumber pendapatan Kumpulan Wang Amanah adalah seperti Jadual 6.2 dan Carta 6.2.

*Jadual 6.2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan Wang Amanah*

Perkara/Tahun	2019		2018	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Pemberian Kerajaan	2.30	13.98	1.72	8.18
Yuran Pelajar	11.42	69.42	11.24	53.45
Pendapatan Lain	2.73	16.60	8.07	38.37
<b>Jumlah</b>	<b>16.45</b>	<b>100.00</b>	<b>21.03</b>	<b>100.00</b>

*Carta 6.2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan Wang Amanah*




Perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah yang berjumlah RM11.66 juta (2018 : RM18.53 juta) adalah perkhidmatan & bekalan sebanyak RM8.21 juta (2018 : RM13.86 juta), pemberian dan kenaan tetap sebanyak RM980 (2018 : 3.18 juta), perbelanjaan lain RM3.17 juta (2018 : RM1.28 juta), susutnilai tahunan sebanyak RM0.28 juta (2018 : 0.20 juta) dan tiada perbelanjaan bagi emolumen (2018 : RM0.01 juta). Perbelanjaan ke atas perkhidmatan & bekalan merupakan perbelanjaan yang terbesar iaitu 70.41% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah. Perbandingan komposisi perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah adalah seperti Jadual 6.3 dan Carta 6.3.

Jadual 6.3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah

Perkara/Tahun	2019		2018	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Emolumen	-	-	0.01	0.05
Perkhidmatan & Bekalan	8.21	70.41	13.86	74.80
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	0.00	0.00	3.18	17.16
Perbelanjaan Lain	3.17	27.19	1.28	6.91
Susutnilai Tahunan	0.28	2.40	0.20	1.08
<b>Jumlah</b>	<b>11.66</b>	<b>100.00</b>	<b>18.53</b>	<b>100.00</b>

Carta 6.3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah





## PEROLEHAN HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN UNIVERSITI

Jumlah perolehan hartanah, loji & peralatan Universiti bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM4.43 juta berbanding RM4.51 juta pada tahun 2018, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM0.08 juta atau 1.81%. Perolehan hartanah, loji & peralatan Universiti adalah merangkumi perolehan hartanah, loji & peralatan bagi Kumpulan Wang Mengurus sebanyak RM1.75 juta (2018 : RM0.97 juta), perolehan hartanah, loji & peralatan bagi Kumpulan Wang Pembangunan sebanyak RM2.16 juta (2018 : RM3.02 juta). Manakala perolehan hartanah, loji & peralatan bagi Kumpulan Wang Penyelidikan dan Amanah masing – masing berjumlah RM0.03 juta (2018 : RM0.02 juta) dan RM0.49 juta (2018 : RM0.50 juta). Perbandingan komposisi perolehan hartanah, loji & peralatan Universiti mengikut kumpulan wang adalah seperti Jadual 7.1 dan Carta 7.1.

*Jadual 7.1 : Perbandingan Komposisi Perolehan Hartanah, Loji dan Peralatan Universiti (Kumpulan Wang)*

Perkara/Tahun	2019		2018	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Kumpulan Wang Mengurus	1.75	39.50	0.97	21.51
Kumpulan Wang Pembangunan	2.16	48.76	3.02	66.96
Kumpulan Wang Penyelidikan	0.03	0.68	0.02	0.44
Kumpulan Wang Amanah	0.49	11.06	0.50	11.09
<b>Jumlah</b>	<b>4.43</b>	<b>100.00</b>	<b>4.51</b>	<b>100.00</b>

*Carta 7.1 : Perbandingan Komposisi Perolehan Hartanah, Loji dan Peralatan Universiti (Kumpulan Wang)*




Jumlah perolehan hartanah, loji & peralatan Universiti terdiri daripada perolehan bangunan & pembaikan bangunan berjumlah RM1.45 juta (2018 : RM2.62 juta), kemudahan & pembaikan kemudahan berjumlah RM0.02 juta (2018 : RM0.13 juta), serta alat kelengkapan berjumlah RM2.96 juta (2018 : RM1.74 juta). Perbandingan komposisi perolehan hartanah, loji & peralatan Universiti mengikut kategori adalah seperti Jadual 7.2 dan Carta 7.2.

**Jadual 7.2 : Perbandingan Komposisi Perolehan Hartanah, Loji dan Peralatan Universiti (Kategori)**

Perkara/Tahun	2019		2018	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Bangunan & Pembaikan Bangunan	1.45	32.73	2.62	58.10
Kemudahan & Pembaikan Kemudahan	0.02	0.45	0.13	2.88
Kenderaan & Jentera	-	-	0.02	0.44
Alat Kelengkapan	2.96	66.82	1.74	38.58
<b>Jumlah</b>	<b>4.43</b>	<b>100.00</b>	<b>4.51</b>	<b>100.00</b>

**Carta 7.2 : Perbandingan Komposisi Perolehan Hartanah, Loji dan Peralatan Universiti (Kategori)**



## TAMBAHAN PROJEK DALAM KEMAJUAN UNIVERSITI


Bayaran projek dalam kemajuan Universiti adalah sebanyak RM18.42 juta berbanding RM36.04 juta pada tahun 2018, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM17.62 juta atau 48.89%. Bayaran projek dalam kemajuan Universiti merangkumi bayaran daripada Kumpulan Wang Mengurus, Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Amanah. Bagi Kumpulan Wang Mengurus, bayaran projek dalam kemajuan adalah sebanyak RM2.07 juta (2018 : RM0.16 juta), Kumpulan Wang Pembangunan sebanyak RM16.35 juta (2018 : RM35.43 juta) dan Kumpulan Wang Amanah tiada bagi tahun 2019 (2018 : 0.45 juta).

Jumlah projek dalam kemajuan yang diklasifikasikan belanja bagi Kumpulan Wang Mengurus adalah sebanyak RM1.99 juta (2018 : tiada) dan tiada pindahan ke hartanah, loji & peralatan (2018 : RM3.04 juta). Bagi Kumpulan Wang Pembangunan, projek dalam kemajuan yang telah diklasifikasikan kepada hartanah, loji & peralatan adalah sebanyak RM68.73 juta (2018 : RM78.87 juta) dan belanja sebanyak 0.02 juta (2018 : tiada). Bagi Kumpulan Wang Amanah, tiada pindahan ke hartanah, loji & peralatan bagi tahun 2019 (2018 : RM0.45 juta). Perbandingan komposisi tambahan projek dalam kemajuan adalah seperti Jadual 8.1 dan Carta 8.1.

*Jadual 8.1 : Perbandingan Komposisi Tambahan Projek Dalam Kemajuan Universiti*

Perkara/Tahun	2019		2018	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Kumpulan Wang Mengurus	2.07	11.24	0.16	0.44
Kumpulan Wang Pembangunan	16.35	88.76	35.43	98.31
Kumpulan Wang Amanah	-	-	0.45	1.25
<b>Jumlah</b>	<b>18.42</b>	<b>100.00</b>	<b>36.04</b>	<b>100.00</b>

*Carta 8.1 : Perbandingan Komposisi Tambahan Projek Dalam Kemajuan Universiti*



## **ASET, TANGGUNGAN DAN KUMPULAN WANG (KUMPULAN)**

Keseluruhan aset kumpulan bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM719.58 juta berbanding RM730.67 juta pada tahun 2018, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM11.09 juta atau 1.52%. Aset kumpulan adalah merangkumi hartanah, loji & peralatan sebanyak RM475.46 juta (2018 : RM422.56 juta), projek dalam kemajuan sebanyak RM0.30 juta (2018 : RM52.61 juta), pinjaman kakitangan sebanyak RM1.29 juta (2018 : RM0.61 juta) dan aset semasa sebanyak RM242.53 juta (2018 : RM254.89 juta).

Manakala keseluruhan tanggungan kumpulan bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM56.66 juta berbanding RM69.44 juta pada tahun 2018, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM12.78 juta atau 18.40%. Tanggungan kumpulan adalah merangkumi tanggungan semasa sebanyak RM16.75 juta (2018 : RM19.35 juta) dan tanggungan jangka panjang sebanyak RM39.90 juta (2018 : RM50.09 juta).

Jumlah rizab tunai kumpulan bagi tahun 2019 yang merangkumi tunai di tangan dan di bank serta simpanan tetap adalah sebanyak RM234.81 juta berbanding RM244.92 juta pada tahun 2018. Ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM10.11 juta iaitu 4.13%.


Jumlah aset bersih kumpulan bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM662.93 juta berbanding RM661.23 juta pada tahun 2018. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM1.7 juta iaitu 0.26%.

Keseluruhan aset dan tanggungan kumpulan diwakili oleh enam (6) Kumpulan Wang seperti Jadual 9.1 dan Carta 9.1.

*Jadual 9.1 : Perbandingan Komposisi Kumpulan Wang (Kumpulan)*

Perkara/Tahun	2019		2018	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Kumpulan Wang Mengurus	168.01	22.97	170.50	23.66
Kumpulan Wang Pembangunan	385.00	52.63	381.53	52.93
Kumpulan Wang Penyelidikan	0.72	0.10	1.10	0.15
Kumpulan Wang Amanah	136.47	18.66	130.87	18.16
Kumpulan Wang PinjamanKakitangan	7.00	0.96	7.00	0.97
Kerugian Terkumpul Anak Syarikat	(34.27)	4.68	(29.76)	4.13
<b>Jumlah</b>	<b>662.93</b>	<b>100.00</b>	<b>661.24</b>	<b>100.00</b>

Carta 9.1 : Perbandingan Komposisi Kumpulan Wang (Kumpulan)



### ASET, TANGGUNGAN DAN KUMPULAN WANG (UNIVERSITI)

Keseluruhan aset Universiti bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM687.45 juta berbanding RM696.51 juta pada tahun 2018, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM9.06 juta atau 1.30%. Aset Universiti adalah merangkumi hartanah, loji & peralatan sebanyak RM442.70 juta (2018 : RM389.54 juta), pelaburan dalam anak syarikat sebanyak RM1.50 juta (2018 : RM1.50 juta), projek dalam kemajuan sebanyak RM0.30 juta (2018 : RM52.61 juta), pinjaman kakitangan sebanyak RM1.29 juta (2018 : RM0.61 juta) dan aset semasa sebanyak RM241.66 juta (2018 : RM252.25 juta).

Manakala keseluruhan tanggungan Universiti bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM41.07 juta berbanding RM48.60 juta pada tahun 2018, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM7.53 juta atau 15.49%. Tanggungan Universiti adalah merangkumi tanggungan semasa sebanyak RM10.45 juta (2018 : RM11.90 juta) dan tanggungan jangka panjang sebanyak RM30.62 juta (2018 : RM36.70 juta).

Jumlah rizab tunai Universiti bagi tahun 2019 yang merangkumi tunai di tangan dan di bank serta simpanan tetap adalah sebanyak RM231.30 juta berbanding RM240.58 juta pada tahun 2018. Ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM9.28 juta iaitu 3.86%.


Jumlah aset bersih Universiti bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM646.38 juta berbanding RM647.90 juta pada tahun 2018. Ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM1.52 juta iaitu 0.23%.

Keseluruhan aset dan tanggungan Universiti diwakili oleh lima (5) Kumpulan Wang seperti Jadual 10.1 dan Carta 10.1.

*Jadual 10.1 : Perbandingan Komposisi Kumpulan Wang (Universiti)*

Perkara/Tahun	2019		2018	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Kumpulan Wang Mengurus	117.28	18.15	127.85	19.73
Kumpulan Wang Pembangunan	385.00	59.56	381.53	58.89
Kumpulan Wang Penyelidikan	0.72	0.11	1.10	0.17
Kumpulan Wang Amanah	136.37	21.10	130.43	20.13
Kumpulan Wang PinjamanKakitangan	7.00	1.08	7.00	1.08
<b>Jumlah</b>	<b>646.37</b>	<b>100.00</b>	<b>647.91</b>	<b>100.00</b>

*Carta 10.1 : Perbandingan Komposisi Kumpulan Wang (Universiti)*



**RINGKASAN KEDUDUKAN KEWANGAN UMK BAGI TEMPOH 5 TAHUN**

Perkara/Tahun	2019 RM	2018 RM	2017 RM	2016 RM	2015 RM
<b>Lembaran Imbangan</b>					
Aset Bukan Semasa	445,789,888	444,256,734	23,946,944	409,613,283	40,667,563
Aset Semasa	241,661,468	252,249,332	304,568,510	375,558,043	72,928,374
Liabiliti Bukan Semasa	30,621,133	36,696,264	78,955,170	152,878,687	90,374,419
Liabiliti Semasa	10,452,824	11,904,895	11,352,047	10,738,224	6,448,885
Dana dan Rezab	646,377,398	647,904,907	638,208,237	621,554,415	16,772,633
Nilai Pelaburan dalam Anak Syarikat	1,500,000	1,500,000	1,500,000	1,500,000	1,499,998
<b>Penyata Pendapatan</b>					
Pemberian Kerajaan : Geran Mengurus	115,671,358	107,716,200	105,705,604	147,829,326	149,067,316
Pemberian Kerajaan : Geran Pembangunan	18,544,565	39,718,517	71,164,298	88,853,081	39,456,704
Pemberian Kerajaan : Geran Penyelidikan	1,035,629	3,407,174	6,536,761	5,050,721	4,518,787
Pemberian Kerajaan : Geran Amanah	2,302,760	1,721,616	2,022,495	882,868	260,857
Yuran Pelajar	35,110,995	34,617,473	35,376,847	35,277,392	32,980,892
Pendapatan Lain	10,679,285	17,743,314	23,709,151	19,496,699	19,098,415
Jumlah Pendapatan	183,344,592	204,924,294	244,875,156	297,390,087	245,382,971
Jumlah Perbelanjaan	186,259,453	194,120,842	185,540,615	192,283,138	184,621,339
Lebihan bersih pendapatan	(2,914,861)	10,803,452	59,334,541	105,106,949	60,761,632
<b>Paparan Penyata Aliran Tunai</b>					
Tunai di tangan dan tunai di bank	27,563,231	18,325,530	50,061,921	23,496,842	28,830,332
Simpanan Tetap	203,732,624	222,255,965	239,707,456	335,941,979	326,348,471
Pendapatan Sebelum Cukai	(2,914,861)	10,803,452	59,334,541	105,106,949	60,761,632
<b>Paparan Nisbah Kewangan</b>					
Nisbah Semasa	23.12	21.19	26.83	34.97	57.83
Nisbah Hutang	0.06	0.07	0.12	0.21	0.28
Nisbah Hutang kepada Dana & Rezab Kerajaan	0.06	0.08	0.14	0.26	0.38
Nisbah Puliangan ke atas Dana & Rezab Kerajaan	(0.00)	0.02	0.09	0.17	0.12
MARGIN KEUNTUNGAN BERSIH	(1.59)	5.27	24.23	35.34	24.76
Modal Kerja	231,208,644	240,344,437	293,216,463	364,819,819	366,479,489



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

**Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Penyata Kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 34 telah diaudit oleh wakil saya.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) serta Perlembagaan Universiti Malaysia Kelantan.

**Asas Kepada Pendapat**

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

### **Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Saya adalah bebas daripada Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

### **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Kelantan bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

### **Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) serta Perlembagaan Universiti Malaysia Kelantan. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

### **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Universiti Malaysia Kelantan atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.
- f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

## Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan Perlembagaan Universiti Malaysia Kelantan, saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 6 dalam penyata kewangan.

## Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Kelantan berdasarkan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) serta Perlembagaan Universiti Malaysia Kelantan dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Dato' Haji Che Isa Bin Che Kob'.

**(DATO' HAJI CHE ISA BIN CHE KOB)**

b.p. KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA

13 OGOS 2020

23 ZULHIJAH 1441H

## LAPORAN JURUAUDIT KEPADA KETUA AUDIT NEGARA

### UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN ("UMK") AUDIT BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

#### Laporan berkenaan Penyata Kewangan

##### *Pendapat*

Kami telah mengaudit penyata kewangan Universiti Malaysia Kelantan (UMK), yang terdiri daripada penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2019, penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan nota-nota kepada penyata kewangan, termasuk ringkasan dasar perakaunan yang penting, seperti yang dibentangkan.

Pada pendapat kami, penyata kewangan memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan UMK pada 31 Disember 2019 dan hasil kendalian dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut menurut Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia.

##### *Asas bagi pendapat*

Kami telah menjalankan audit kami mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut diuraikan dengan lanjut dalam perenggan *Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Penyata Kewangan* laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan sesuai untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami.

##### *Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain*

Kami bebas daripada Kumpulan dan UMK mengikut Undang-Undang Kecil (Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-Undang Kecil") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Etika Akauntan Profesional ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika lain mengikut Undang-Undang Kecil dan Kod IESBA.

##### *Maklumat Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit*

Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk maklumat yang lain. Maklumat yang lain terdiri daripada Penyata Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah tetapi tidak termasuk penyata kewangan dan Laporan Juruaudit.

Pendapat kami ke atas penyata kewangan Kumpulan dan UMK tidak termasuk Penyata Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk jaminan kesimpulan mengenainya.

Sehubungan dengan audit penyata kewangan Kumpulan dan UMK, tanggungjawab kami adalah untuk membaca Penyata Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah dan dengan berbuat demikian pertimbangkan sama ada ia tidak konsisten secara material dengan penyata kewangan Kumpulan dan UMK atau pengetahuan yang kami perolehi dalam audit atau sebaliknya tersalah nyata dengan ketara.

Sekiranya, berdasarkan kerja yang telah kami jalankan, kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata yang ketara dalam Penyata Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah, kami dikehendaki melaporkan salah nyata itu. Kami tidak mempunyai sebarang perkara untuk dilaporkan dalam hal ini.



## LAPORAN JURUAUDIT KEPADA KETUA AUDIT NEGARA (SAMBUNGAN)

### UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (“UMK”) AUDIT BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

#### *Tanggungjawab Para Pengarah bagi Penyata Kewangan*

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan UMK yang memberi gambaran yang benar dan saksama menurut Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia.

Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman seperti yang ditentukan oleh Pengarah sebagai perlu untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan UMK yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan Kumpulan dan UMK, para Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kumpulan dan UMK untuk terus sebagai satu usaha berterusan, mendedahkan, yang mana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan bagi dasar usaha berterusan melainkan jika Pengarah berhasrat untuk membubarkan untuk menghentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik tetapi untuk berbuat demikian.

Objektif kami adalah untuk memperolehi keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Kumpulan dan UMK secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara jika, secara sendirinya atau berkumpulan, dengan munasabah dijangkakan akan mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna yang berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit yang mengikuti piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional di seluruh audit. Kami juga:

- Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan Kumpulan dan UMK, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, reka bentuk dan melaksanakan prosedur audit responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan sengaja, gambaran yang salah, atau pelanggaran kawalan dalaman.
- Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan dan UMK.
- Menilai kesesuaian polisi-polisi perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh para Pengarah.



## LAPORAN JURUAUDIT KEPADA KETUA AUDIT NEGARA (SAMBUNGAN)

### UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN ("UMK") AUDIT BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

#### *Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Penyata Kewangan (sambungan)*

- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas usaha berterusan perakaunan oleh Pengarah dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada ketidakpastian material wujud yang berkaitan dengan peristiwa-peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang ketara ke atas keupayaan Kumpulan dan UMK untuk meneruskan perniagaan sebagai usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian material wujud, kami dikehendaki untuk menarik perhatian dalam laporan juruaudit kami kepada pendedahan yang berkaitan di dalam penyata kewangan Kumpulan dan UMK atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami.
- Menilai pembentangan keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan Kumpulan dan UMK, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan mewakili urus niaga dan peristiwa dengan cara yang mencapai pembentangan saksama.
- Mendapatkan bukti audit yang sesuai dan mencukupi berkenaan maklumat kewangan entiti di dalam Kumpulan untuk memberi pendapat terhadap penyata kewangan Kumpulan. Kami bertanggungjawab ke atas arahan, penyeliaan dan prestasi pengauditan Kumpulan. Kami bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pendapat audit kami.

Kami berkomunikasi dengan para Pengarah mengenai skop yang dirancang dan masa audit dan penemuan penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti semasa audit kami.

#### **Perkara lain-lain**

Laporan ini disediakan hanya kepada Ketua Audit Negara menurut Seksyen 7 (3) Akta Audit 1957 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain bagi kandungan laporan ini.

WAN NADZIR & CO.  
AF No. 1234  
Akauntan Bertauliah

Zulkifli Amim bin Ismail  
No. Kelulusan 02532/05/2022 (J)  
Rakan kongsi Firma

Kota Bharu  
Tarikh:

**PENYATA Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah**

Kami, DATO' (Dr.) HUSSAMUDDIN BIN HJ YAACUB dan PROF. DATO' Ts. Dr. NOOR AZIZI BIN ISMAIL, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN pada 31 Disember 2019 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



NAMA : Dato' (Dr.) Hussamuddin Bin  
Hj Yaacub

GELARAN : Pengerusi Lembaga

TARIKH : 28/2/2020

TEMPAT : Kota Bharu, Kelantan

Bagi pihak Lembaga,



NAMA : Prof. Dato' Ts. Dr. Noor  
Azizi Bin Ismail

GELARAN : Naib Canselor

TARIKH : 27/2/2020

TEMPAT : Kota Bharu, Kelantan


**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA  
YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**


Saya JUNAIDAH BINTI BADAR, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya  
diakui oleh Penama di atas  
di (tempat) BACHOK, KELANTAN  
pada 25 FEB 2020

)  
)   
) JUNAIDAH BINTI BADAR  
) No. K/P : 740312-01-6700

Di hadapan saya,

  
PEBURUHJAYA SUMPAH



**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN  
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN  
PADA 31 DISEMBER 2019**

NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI		
	2019 RM	2018 RM	2019 RM	2018 RM	
<b>Aset Bukan Semasa:</b>					
Hartanah, loji dan peralatan	4	475,464,519	422,561,703	442,702,095	389,537,230
Projek dalam kemajuan	5	295,493	52,613,498	295,493	52,613,498
Pelaburan dalam anak syarikat	6	-	-	1,500,000	1,500,000
Pinjaman kakitangan	7	1,292,299	606,006	1,292,299	606,006
<b>Jumlah aset bukan semasa</b>		<b>477,052,312</b>	<b>475,781,207</b>	<b>445,789,888</b>	<b>444,256,734</b>
<b>Aset Semasa:</b>					
Inventori	8	25,600	4,905	-	-
Penghutang dan pelbagai penghutang	9	2,351,474	4,401,238	2,399,353	3,915,768
Deposit dan prabayar	10	5,344,195	5,568,135	7,966,260	7,752,069
Tunai dan kesetaraan tunai	11	234,810,918	244,915,661	231,295,855	240,581,495
<b>Jumlah aset semasa</b>		<b>242,532,187</b>	<b>254,889,939</b>	<b>241,661,468</b>	<b>252,249,332</b>
<b>Jumlah Aset</b>		<b>719,584,498</b>	<b>730,671,146</b>	<b>687,451,355</b>	<b>696,506,066</b>
<b>Ekuiti:</b>					
Kumpulan wang mengurus	12	168,005,598	170,497,174	117,282,988	127,850,428
Kumpulan wang pembangunan	13	385,003,746	381,527,030	385,003,746	381,527,030
Kumpulan wang penyelidikan	14	718,173	1,102,359	718,173	1,102,359
Kumpulan wang amanah	15	136,469,858	130,866,906	136,372,492	130,425,090
Kumpulan wang pinjaman	16	7,000,000	7,000,000	7,000,000	7,000,000
Kerugian terkumpul anak syarikat	17	(34,267,932)	(29,760,349)	-	-
		662,929,442	661,233,120	646,377,398	647,904,907
Kepentingan minoriti		-	-	-	-
<b>Jumlah Ekuiti</b>		<b>662,929,442</b>	<b>661,233,120</b>	<b>646,377,398</b>	<b>647,904,907</b>
<b>Liabiliti Bukan Semasa:</b>					
Manfaat pekerja	18	3,095,711	3,760,541	3,095,711	3,760,541
Pinjaman	19	5,431,244	9,165,414	-	-
Pinjaman sewa beli	20	18,940	51,320	-	-
Liabiliti cukai tertunda	21	3,821,133	4,166,620	-	-
Pendapatan tertunda	22	27,533,417	32,943,718	27,525,422	32,935,723
<b>Jumlah liabiliti bukan semasa</b>		<b>39,900,445</b>	<b>50,087,613</b>	<b>30,621,133</b>	<b>36,696,264</b>
<b>Liabiliti Semasa:</b>					
Pemiutang dan pelbagai pemiutang	23	394,258	295,928	-	120,092
Deposit dan terakru	24	10,409,229	10,726,226	9,943,134	10,411,378
Manfaat pekerja	18	509,690	1,373,425	509,690	1,373,425
Pinjaman	19	4,716,610	4,716,610	-	-
Pinjaman sewa beli	20	32,400	32,400	-	-
Peruntukan cukai		692,424	2,205,824	-	-
<b>Jumlah liabiliti semasa</b>		<b>16,754,611</b>	<b>19,350,413</b>	<b>10,452,824</b>	<b>11,904,895</b>
<b>Jumlah Liabiliti</b>		<b>56,655,056</b>	<b>69,438,026</b>	<b>41,073,957</b>	<b>48,601,159</b>
<b>Jumlah Ekuiti dan Liabiliti</b>		<b>719,584,498</b>	<b>730,671,146</b>	<b>687,451,355</b>	<b>696,506,066</b>

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**  
**PENYATA PENDAPATAN**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI		
	2019 RM	2018 RM	2019 RM	2018 RM	
<b>Pendapatan:</b>					
Pemberian kerajaan	25	137,554,312	152,563,507	137,554,312	152,563,507
Yuran pelajar	26	35,110,995	34,617,473	35,110,995	34,617,473
Pendapatan lain	27	12,650,045	19,736,549	10,679,285	17,743,314
Jumlah pendapatan		<b>185,315,352</b>	<b>206,917,529</b>	<b>183,344,592</b>	<b>204,924,294</b>
<b>Perbelanjaan:</b>					
Emolumen		71,394,489	67,815,946	71,371,489	67,804,446
Perkhidmatan dan bekalan		82,127,758	88,561,821	86,273,361	94,009,685
Pemberian dan kenaikan bayaran tetap		1,806,742	3,854,654	1,805,462	5,451,574
Perbelanjaan lain		7,725,584	7,913,926	6,587,092	6,518,534
Susutnilai tahunan		21,030,958	21,084,032	20,222,049	20,336,603
Jumlah perbelanjaan		<b>184,085,531</b>	<b>189,230,379</b>	<b>186,259,453</b>	<b>194,120,842</b>
<b>Lebihan/(kurangan) sebelum cukai</b>		1,229,821	17,687,150	(2,914,861)	10,803,452
<b>Cukai</b>	28	(917,419)	(1,431,454)	-	-
<b>Lebihan/(kurangan) bagi tahun</b>		<b>312,402</b>	<b>16,255,696</b>	<b>(2,914,861)</b>	<b>10,803,452</b>
<b>Lebihan bagi tahun diagihkan kepada:</b>					
Pemilik entiti yang mengawal		312,402	16,255,696	(2,914,861)	10,803,452
Kepentingan minoriti		-	-	-	-
		<b>312,402</b>	<b>16,255,696</b>	<b>(2,914,861)</b>	<b>10,803,452</b>

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN  
PENYATA PERUBAHAN EKUITI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

Kumpulan – 31 Disember 2019

	Kumpulan wang			Pinjaman RM	Kerugian terkumpul anak syarikat RM	Kepentingan minoriti RM	Jumlah ekuiti RM
	Mengurus RM	Pembangunan RM	Penyelidikan RM				
Baki pada 31 Disember 2018	170,497,174	381,527,030	1,102,359	130,866,906	7,000,000	-	661,233,120
- Seperti yang dilaporkan sebelum ini	170,497,174	381,527,030	1,102,359	130,866,906	7,000,000	(29,760,349)	661,233,120
- Keuntungan subsidiari anak syarikat	1,209,032	235,953	10,195	(67,828)	-	(3,432)	(3,432)
- Pelarasan tahun lepas	171,706,206	381,762,983	1,112,554	130,799,078	7,000,000	-	661,229,688
Seperti dinyatakan semula pada 1 Januari 2019	-	-	-	-	-	-	-
<b>Perubahan dalam Ekuiti</b>							
Perolehan saham	-	-	-	-	-	-	-
Lebihan/(kurangan) bagi tahun	(2,050,608)	3,240,763	(822,651)	4,449,050	-	-	312,403
Pindahan	(1,650,000)	-	428,270	1,221,730	-	(4,504,151)	-
<b>Baki pada 31 Disember 2019</b>	<b>168,005,598</b>	<b>385,003,746</b>	<b>718,173</b>	<b>136,469,858</b>	<b>7,000,000</b>	<b>(34,267,932)</b>	<b>662,929,442</b>
Baki pada 31 Disember 2017	209,614,916	357,329,553	1,191,096	96,107,707	7,000,000	-	646,084,208
- Seperti yang dilaporkan sebelum ini	209,614,916	357,329,553	1,191,096	96,107,707	7,000,000	2	646,084,208
- Pelarasan tahun lepas	(588,597)	-	(3,576)	(524,609)	-	-	(1,116,782)
Seperti dinyatakan semula pada 1 Januari 2018	209,026,319	357,329,553	1,187,520	95,583,098	7,000,000	2	644,967,426
<b>Perubahan dalam Ekuiti</b>							
Perolehan saham	-	-	-	-	-	(2)	(2)
Lebihan/(kurangan) bagi tahun	(7,529,145)	24,197,477	(85,161)	4,273,808	-	-	16,255,696
Pindahan	(31,000,000)	-	-	31,010,000	-	-	10,000
<b>Baki pada 31 Disember 2018</b>	<b>170,497,174</b>	<b>381,527,030</b>	<b>1,102,359</b>	<b>130,866,906</b>	<b>7,000,000</b>	<b>(29,760,349)</b>	<b>661,233,120</b>

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN  
PENYATA PERUBAHAN EKUITI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

Universiti – 31 Disember 2019

	Kumpulan wang		Amanah RM	Pinjaman RM	Kerugian terkumpul anak syarikat RM	Kepentingan minoriti RM	Jumlah ekuiti RM
	Mengurus RM	Pembangunan RM					
Baki pada 31 Disember 2018							
- Seperti yang dilaporkan sebelum ini	127,850,428	381,527,030	1,102,359	130,425,090	7,000,000	-	647,904,907
- Pelarasan tahun lepas	127,850,428	381,527,030	1,102,359	130,425,090	7,000,000	-	647,904,907
Seperti dinyatakan semula pada 1 Januari 2019	1,209,032	235,953	10,195	(67,828)	-	-	1,387,352
<b>Perubahan dalam Ekuiti</b>							
Perolehan saham	-	-	-	-	-	-	-
Lebihan/(Kurangan) bagi tahun	(10,126,472)	3,240,763	(822,651)	4,793,500	-	-	(2,914,861)
Pindahan	(1,650,000)	-	428,270	1,221,730	-	-	-
Baki pada 31 Disember 2019	<b>117,282,988</b>	<b>385,003,746</b>	<b>718,173</b>	<b>136,372,492</b>	<b>7,000,000</b>	-	<b>646,377,398</b>
Baki pada 31 Disember 2017							
- Seperti yang dilaporkan sebelum ini	175,246,747	357,329,553	1,191,096	97,440,841	7,000,000	-	638,208,237
- Pelarasan tahun lepas	175,246,747	357,329,553	1,191,096	97,440,841	7,000,000	-	638,208,237
Seperti dinyatakan semula pada 1 Januari 2018	(588,597)	-	(3,576)	(524,609)	-	-	(1,116,782)
<b>Perubahan dalam Ekuiti</b>							
Perolehan saham	-	-	-	-	-	-	-
Lebihan/(Kurangan) bagi tahun	(15,807,722)	24,197,477	(85,161)	2,498,858	-	-	10,803,452
Pindahan	(31,000,000)	-	-	31,010,000	-	-	10,000
Baki pada 31 Disember 2018	<b>127,850,428</b>	<b>381,527,030</b>	<b>1,102,359</b>	<b>130,425,090</b>	<b>7,000,000</b>	-	<b>647,904,907</b>

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**  
**PENYATA ALIRAN TUNAI**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2019 RM	2018 RM	2019 RM	2018 RM
<b>Aliran Tunai Dari Aktiviti Operasi</b>				
Lebih pendapatan sebelum cukai	1,229,821	17,687,150	(2,914,861)	10,803,452
Pelarasan untuk:				
Susutnilai tahunan	21,030,958	21,084,032	20,222,049	20,336,603
Peruntukan hutang ragu	491,477	2,798,501	491,477	2,763,096
Peruntukan manfaat pekerja	1,150,268	1,340,799	1,150,268	1,340,799
Kerugian atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan	-	-	-	-
Pelarasan projek dalam kemajuan tahun lepas ke perbelanjaan tahun semasa	18,561	-	18,561	-
Geran pembangunan dilunaskan	(18,544,565)	(39,718,517)	(18,544,565)	(39,718,517)
Geran penyelidikan dilunaskan	(1,035,629)	(3,407,174)	(1,035,629)	(3,407,174)
Geran amanah dilunaskan	(2,302,760)	(1,721,616)	(2,302,760)	(1,721,616)
Pelarasan hasil dan perbelanjaan tahun lepas	(207,168)	(167,937)	(207,168)	(167,937)
Hapus kira hartanah, loji dan peralatan	10	76,909	10	76,909
Cukai dibayar	(2,776,306)	(3,282,450)	-	-
Faedah pinjaman	987,291	1,218,832	-	-
<b>Lebih Pendapatan Sebelum Perubahan Modal Kerja</b>	<b>41,958</b>	<b>(4,091,471)</b>	<b>(3,122,619)</b>	<b>(9,694,385)</b>
<b>(Tambah)/Kurangan dalam</b>				
Inventori	(20,695)	(3,645)	-	-
Penghutang dan pelbagai penghutang	298,651	(1,897,360)	(115,869)	(503,334)
Deposit dan prabayar	(214,191)	(212,535)	(214,191)	(183,925)
<b>Tambahan/(Kurangan) dalam</b>				
Pemiutang dan pelbagai pemiutang	551,515	(337,855)	(120,092)	(276,261)
Deposit dan terakru	(215,275)	675,333	(460,889)	429,719
<b>Tunai Bersih Dihasilkan Dari Aktiviti Operasi</b>	<b>441,963</b>	<b>(5,867,533)</b>	<b>(4,033,659)</b>	<b>(10,228,186)</b>
<b>Aliran Tunai Dari Aktiviti Pelaburan</b>				
Belian hartanah, loji dan peralatan	(4,940,425)	(4,527,544)	(4,393,565)	(4,510,400)
Hasil atas jualan hartanah, loji dan peralatan	-	-	-	-
Perolehan saham	-	-	-	-
Projek dalam kemajuan	(16,412,019)	(36,040,864)	(16,412,019)	(36,040,864)
<b>Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Pelaburan</b>	<b>(21,352,444)</b>	<b>(40,568,408)</b>	<b>(20,805,584)</b>	<b>(40,551,264)</b>
<b>Aliran Tunai Dari Aktiviti Pembiayaan</b>				
Geran pembangunan diterima	8,000,000	-	8,000,000	-
Geran penyelidikan diterima	2,827,076	1,839,878	2,827,076	1,839,878
Geran amanah diterima	5,645,577	828,195	5,645,577	828,195
Pembayaran manfaat pekerja	(919,050)	(1,076,504)	(919,050)	(1,076,504)
Bayaran ansuran pembiayaan	(4,753,841)	(4,352,460)	-	-
<b>Tunai Bersih Dihasilkan Dari Aktiviti Pembiayaan</b>	<b>10,799,762</b>	<b>(2,760,891)</b>	<b>15,553,603</b>	<b>1,591,569</b>
<b>Tambahan Bersih dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai</b>	<b>(10,110,719)</b>	<b>(49,196,832)</b>	<b>(9,285,640)</b>	<b>(49,187,881)</b>
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun	244,915,661	294,112,493	240,581,495	289,769,376
Pelarasan Tunai dan Kesetaraan Tunai Pd Awal Tahun	5,976	-	-	-
<b>Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun</b>	<b>234,810,918</b>	<b>244,915,661</b>	<b>231,295,855</b>	<b>240,581,495</b>

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**  
**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

